

DI-TERBITKAN

DUA KALI

SA-BULAN

PELITA BRUNEI



AKHBAR RASMI

KERAJAAN

NEGERI BRUNEI

PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 6. BILANGAN 10.

BANDAR BRUNEI, 17 MAY, 1961. (2 Zulhijjah 1380).

PERCHUMA.

PILEHAN RAYA:

WAKIL2 BRUNEI BERANGKAT KA-PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

BANDAR BRUNEI.—Tujuh belas orang wakil2 dari Negeri Brunei telah berlepas ka-Singapura dengan kapal terbang pada petang hari Juma'at 5 May dalam perjalanan ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk menyaksikan dan mempelajari perkara2 yang berkaitan dengan pilihan raya.

Wakil2 itu ada-lah di-ketuai oleh Inche Mat Noor McAfee, Penyelia Pilehan Raya Negeri Brunei dan mengandungi Pegawai2 Kerajaan dari Daerah Brunei, Belait, Tutong dan Temburong; Pegawai2 Polis dan wakil2 dari pertubohan2 siasah.

Beliau2 itu ia-lah seperti dibawah ini :

Daerah Brunei — Awang Jaya bin Latiff, Inche Salleh bin Hdup, Awang Tahir bin Awang Hashim dan Inche Lim Kah Teong.

Daerah Belait — Inche Abidin bin Abdul Rashid, Pengiran Metussin bin Pengiran Shahbudin dan Inche Peter Lee.

Daerah Tutong — Inche Mahmud bin Damit dan Inche Ibrahim bin Abdul Ghani.

Daerah Temburong — Pengiran Mohamed bin Pengiran Badar.

Pulis — A.S.P. Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid dan Senior Inspektor Pengiran Abas bin Pengiran Aliuddin.

Partai Rakyat Brunei — Inche Mohamed Akip bin Abdul Ghani, Inche Suhaili bin Haji Yaakub dan Inche Tarang anak Angun.

Pertubohan Kebangsaan Brunei — Inche Abdul Ghani bin Orang Kaya Mohamed Safar.

Sa-hari sa-belum wakil2 tersebut berlepas ka-Persekutuan Tanah Melayu, beliau2 itu telah

mengadakan pertemuan dengan Inche Mat Noor McAfee, Penyelia, Pilehan Raya Negeri Brunei di-Pejabat Pilehan Raya di-Jalan Kumbang Pasang.

Inche Mat Noor McAfee telah memperkenalkan para perwakilan tersebut kepada Inche Mohamed Yusof bin Haji Osman, Wakil Surohan Jaya Pilehan Raya Persekutuan Tanah Melayu.

Inche Mohamed Yusof telah berada di-Negeri Brunei samanjak beberapa bulan yang lalu untuk membantu Kerajaan Negeri Brunei membuat persiapan2 menghadapi pilihan raya yang pertama bagi Negeri Brunei yang di-jangka akan di-adakan sa-belum akhir tahun ini.

Beliau telah di-hantarkan oleh Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ka-negeri ini atas permintaan Kerajaan Negeri Brunei. Inche Mohamed Yusof telah (Lihat Muka 2)

Y.D.P. AGONG MELAWAT BRUNEI 1 - 4 JULY

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu, Sir Syed Putra ibnu Al-merhom Syed Hassan Jamalullail akan melawat ka-Negeri Brunei sa-chara rasmi sa-lama empat hari mulai dari 1 July akan datang.

Lawatan Baginda ka-Brunei ia-lah atas undangan dari Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong akan di-iringi oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tengku Badariah ibnu Al-merhom Tengku Ismail.

Menteri yang akan mengiringi Duli Yang Maha Mulia Yang

Di-Pertuan Agong dalam lawatan Baginda ka-Brunei ia-lah Yang Berhormat Tun Abdul Razak bin Hussin, Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan isteri beliau Toh Puan Raha.

D. Y. M. M. kurnia
bintang kebesaran

D. P. M. B. kepada
Tun Lim Yew Hock

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah mengurniakan Bintang Kebesaran Dato Paduka Mahkota Brunei Darjah Yang Kedua kepada Tun Lim Yew Hock, bekas Ketua Menteri Singapura.

Istiadat pengurniaan itu telah di-langsungkan di-Rumah Awang Alak Betatar, Kuala Lumpur pada hari Ithnina yang lalu oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha Sahibul Raya Walmashuarat Dato Paduka Muda Haji Mohamed Alam ibnu Al-merhom Pengiran Anak Abdul Rahman, sa-bagai wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada hari Juma'at yang lalu bersama dengan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Setia Haji Ahmad bin Daud.



Wakil2 dari Negeri Brunei yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu baharu2 ini untuk menyaksikan dan mempelajari perkara2 yang bersangkutan dengan pilihan raya di-Persekutuan Tanah Melayu.
Nombor 10 dari kiri dalam gambar ini memakai kecha mata ia-lah Inche Mohamed Yusof bin Haji Osman, Wakil Surohanjaya Pilehan Raya P.T.M. yang pada masa ini berada di-Brunei dan di-sabelah kanan-nya ia-lah Inche Mat Noor McAfee, Penyelia, Pilehan Raya Negeri Brunei.

PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR JABATAN PENERANGAN

BANDAR BRUNEI. — Tarikh dan tempat pertunjukan wayang gambar Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei di-Daerah2 Brunei, Belait, Tutong dan Temburong mulai dari hari ini hingga ka-akhir bulan ini ada-lah seperti berikut:

Malam ini: Di-Sekolah Melayu Penanjong, Tutong dan di-Kampung Dungun, Ulu Belait.

Malam 18 May: Di-Sekolah Melayu Gadong, Daerah Brunei.

Malam 19 May: Sa-kali lagi di-Sekolah Melayu Gadong dan di-Sekolah Melayu Jerudong, Daerah Brunei.

Malam 20 May: Di-Sekolah Melayu Limau Manis, Daerah Brunei.

Malam 21 May: Di-Sekolah Melayu Panchor Murai, Daerah Brunei.

Malam 22 May: Di-Sekolah Melayu Piasau-Piasau, Labu, Daerah Temburong dan di-Kampung Sungai Liang, Daerah Belait.

Malam 23 May: Di-Sekolah Melayu Pangkalan Batu, Daerah Brunei.

Malam 24 May: Di-Sekolah Melayu Pulau Baru-Baru, Daerah Brunei.

Malam 28 May: Di-Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut, Daerah Brunei.

Malam 29 May: Di-Kampung Burong Pingai Baru, Berakas, Daerah Brunei.

Malam 30 May: Di-Kampung Burong Pingai Laut, Kampung Ayer, Daerah Brunei.

Malam 31 May: Di-Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda, Kampung Ayer, Daerah Brunei dan di-Kampung Kuala Balai, Daerah Belait.

Pertunjukan wayang gambar tersebut di-mulai pada pukul 7.30 malam, pada tiap2 kali pertunjukan sa-bagaimana yang tersebut.

PENGEMBARA JERMAN MENGADAP D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang pemuda Jerman yang telah meninggalkan negeri-nya kira2 empat tahun telah singgah di-sini baharu2 ini dalam perjalanan-nya mengelilingi dunia dengan berjalan kaki.

Pemuda tersebut ia-lah Willy Schlattmann telah berada di-sini sa-lama 8 hari dan telah berlepas dari sini pada 10 May yang lalu.

Sa-lama berada di-Brunei beliau telah sempat mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul-hana.

PANCHARAGAM PULIS BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pancharagam Pulis Negeri Brunei telah bermain di-sini baharu2 ini dengan di-saksikan oleh ramai penonton.

Di-antara lagu2 yang di-perdengarkan oleh pancharagam tersebut ia-lah tiga lagu Melayu, ia-itu Baju Hijau, Dia dan Aku serta Tetap Berjaya.

Beliau telah juga melawat ka-beberapa tempat yang terkenal di-negeri ini.

Mencheritakan tentang bagaimana pahit getir-nya yang telah



INCHE WILLY

di-hadapi-nya sa-lama pengembaraan-nya, Willy Schlattmann telah memberikan cheramah-nya di-hadapan murid2 sekolah2 Melayu SMJA dan RIF pada 7 May lepas.

MENGUNDI ADA-LAH HAK SA-SAORANG RA'AYAT

(Dari Muka 1)

memberi penerangan berhubung dengan lawatan para perwakilan itu ka-Persekutuan Tanah Melayu dan lain2 perkara.

Beberapa orang di-antara wakil2 tersebut telah mengemukakan berbagai2 so'alan dan Inche Mohamed Yusof telah menjawab so'alan2 itu.

Inche Mohamed Yusof juga telah membayangkan kepada para perwakilan tersebut mengenai perkara2 yang berkaitan dengan pilihan raya di-Brunei.

Yang pertama kata beliau akan di-adakan pilihan raya untuk Majlis Meshuarat Daerah dan yang kedua akan di-adakan pilihan raya untuk Majlis Meshuarat Negeri.

UNDI SULIT

Pilihan2 raya itu akan di-adakan sa-chara undi sulit seperti di-bawah ini:

◆ Majlis Meshuarat Daerah — raayat jelata akan mengundi chalon2-nya, untuk menjadi ahli2 Majlis Meshuarat Daerah.

◆ Majlis Meshuarat Negeri — ahli2-nya akan di-pilih dari ahli2 Majlis Meshuarat Daerah oleh beliau2 itu sendiri.

Dalam penerangan-nya Inche Yusof menyatakan bahawa pilihan raya di-Negeri Brunei ada-lah menunggu sedikit perkara lagi ia-itu Undang2 Kera'ayatan, pertubuhan Surohan Jaya Pilihan Raya dan dua Undang2 Khas untuk pilihan raya.

Perkara2 yang telah di-siapkan oleh Pejabat Pilihan Raya Negeri Brunei, kata-nya ada-lah seperti berikut:

(a) Peta khas untuk kegunaan pilihan raya.

(b) Undang2 berkenaan dengan perkhidmatan Surohan Jaya Pilihan Raya.

(c) Peratoran2 untuk pendaftaran pengundi dan untuk menjalankan pilihan raya.

(d) Perkakas2 untuk di-gunakan dalam bilek mengundi.

Sa-lanjut-nya beliau berkata bahawa Kerajaan Brunei menghantarkan beliau2 itu ka-Malaya untuk mempelajari chara2 menjalankan pilihan raya. Oleh kerana itu, Inche Yusof telah menasehatkan kepada para perwakilan tersebut supaya beliau2 itu belajar dengan sa-sungguh2-nya.

Inche Yusof juga telah merayu-kan kepada wakil2 rombongan tersebut yang terdiri dari pegawai2 pertubuhan2 siasah supaya beliau2 itu lupakan politik sa-lama 19 hari, ia-itu dari tarikh beliau2 itu berangkat dari Brunei ka-Persekutuan Tanah Melayu hingga tarikh beliau2 itu tiba kembali ka-Brunei.

RAHSIA PENGUNDI

Dengan jalan tersebut dapatlah para perwakilan itu belajar selok-belok pilihan raya dengan sa-sungguh2-nya, kata Inche Yusof.

Ketika memberi penerangan berkenaan dengan perkara mengundi, Inche Yusof berkata bahawa mengundi itu ada-lah satu hak kepada sa-orang ra'ayat.

Tiada sa-siapa pun yang boleh merampaskan hak itu atau menganggu sa-orang ra'ayat manakala sampai masa-nya hendak menuaikan hak itu dan lagi mengundi itu ada-lah rahsia kepada si-pengundi.

Dengan hal yang demikian, pekerjaan Surohan Jaya Pilihan Raya berasas atas memelihara rahsia si-pengundi dan wajib-lah barang sa-siapa pun yang menjadi kaki tangan Surohan Jaya Pilihan Raya itu mengerti dan faham pekerjaan yang berat itu untuk memelihara rahsia, kata-nya lagi.

Tujuh belas orang yang telah berangkat ka-Persekutuan Tanah Melayu untuk mempelajari perkara2 pilihan raya akan tiba balek di-lapangan terbang Brunei pada tengah hari Rabu 24 May melalui Singapura.

JADUAL LAWATAN

Menurut jadual lawatan yang telah di-sediakan, para perwakilan tersebut berangkat dari Singapura ka-Kuala Lumpur dengan motor-kar pada pagi 7 May. Dalam perjalanan itu rombongan tersebut melawat ka-Pejabat Pilihan Raya di-Melaka dan juga melawat ka-Pejabat Pilihan Raya di-Seremban, Negeri Sembilan.

Rombongan tersebut telah tiba di-Kuala Lumpur pada petang hari tersebut juga. Pada 8 dan 9 May, para perwakilan itu telah melawat ka-beberapa tempat yang mustahak di-Kuala Lumpur; mendengar sharahan2 mengenai pilihan2 raya, dan juga menemui Pengerusi, Surohan Jaya Pilihan Raya P.T.M., Tuan Haji Mustapha Albakri.

Pada 10 May beliau2 itu berangkat ka-Ipoh, Perak dengan motor-kar dan berada di-sana hingga 13 May. Dalam masa itu beliau2 tersebut telah menyaksikan perkara2 berhubung dengan Pilihan Raya Majlis Bandaran Ipoh, di-antara-nya ia-lah chara2

membuang undi pilihan raya itu pada 13 May dan lain2-nya.

Rombongan itu telah berangkat ka-Pulau Pinang dengan motor-kar pada 14 May dan berangkat dari Pulau Pinang ka-Kuala Lumpur pada 15 May. Pada ka-esokan hari beliau2 itu di-bawa oleh Pennyelia Pilihan Raya Selangor menyaksikan berbagai2 perkara yang bersangkutan paut dengan Pilihan Raya Lembaga Bandaran Klang.

Para pelawat dari Brunei di-jangka berangkat dari Kuala Lumpur ka-Kuantan, Pahang dengan motor-kar pada pagi hari ini dan berangkat dari Kuantan ka-Kota Bharu, Kelantan juga dengan motor-kar pada esok pagi.

PERSEDIAAN

Beliau2 itu akan menyaksikan persediaan2 yang di-buat berhubung dengan Pilihan Raya Majlis Meshuarat Bandaran Kota Bharu pada 19 May dan pada 20 May beliau2 itu akan menyaksikan orang2 membuang undi bagi Pilihan Raya Majlis Meshuarat Bandaran Kota Bharu dan lain2 perkara yang bersangkutan paut dengan pilihan raya di-sana.

Rombongan itu akan berangkat dari Kota Bharu dengan kapal terbang ka-Singapura pada pukul 2 petang 21 May, dan tiba di-Singapura pada petang hari itu juga.

Para perwakilan tersebut akan berangkat dari Singapura dengan kapal terbang ka-Brunei pada pagi hari Rabu 24 May dan akan mendarat di-lapangan terbang Brunei di-Berakas pada pukul 12.35 tengah hari 24 May.

PEGAWAI PENDA'WA HAL AHWAL UGAMA DI-KEHENDAKI

BANDAR BRUNEI. — Satu jawatan kosong sa-bagai Pega-wai Penda'wa Hal Ahwal Ugama telah di-tawarkan kepada anak bumi putera Negeri Brunei supaya menghantar permohonan un-tok memenohkan jawatan tersebut.

Tangga gaji jawatan itu ia-lah \$400 x 20 — 600 (ugama).

Sharat2 untuk memohonkan jawatan tersebut, pemohon2 hen-dak-lah:

- ◆ Sa-kurang2-nya lulus darjah V sekolah Melayu; dan
- ◆ Mempunyai pengetahuan yang berpatutan dalam pelajaran uga-ma Islam.

Sa-lain dari itu pemohon2 hen-dak-lah bersedia untuk di-pereksa ilmu pengetahuan-nya dalam hal ahwal ugama dalam perkara2:

- ◆ Ibadat
- ◆ Muamalah
- ◆ Munakahad dan
- ◆ Jenayah.

Pemohon yang berjaya hendak-lah bersedia untuk di-hantar ke-luar negeri kerana mempelajari hal ahwal pekerjaan Penda'wa Hal Ahwal Ugama Islam sa-lama enam bulan atau sa-tahun.

Siaran Kerajaan itu menjelas-kan bahawa pemohon yang ber-jaya, gaji-nya tidak akan di-ba-yar mengikut tangga gaji yang di-sebutkan itu melainkan sa-telah berjaya mendapat kelulus-an yang memuassakan dalam la-tehan tersebut.

Orang ramai atau pegawai2 Kerajaan yang ingin memohon-kan jawatan tersebut hendak-lah menghantar permohonan mereka melalui ketua Kampong dan ke-tua pejabat masing2 dengan mem-berikan kenyataan penoh berhu-bong dengan umur, pekerjaan, lama berkhidmat, pengalaman dan lain2 ilmu pengetahuan.

Surat2 permohonan itu hen-dak-lah sampai ka-tangan Penge-tua Pegawai Hal Ahwal Ugama di-Jabatan Hal Ahwal Ugama Brunei tidak lewat dari 1 June hadapan.

Akhir-nya siaran itu berkata: "Permohonan2 yang lewat di-terima dari tarikh yang di-tetap-kan tidak akan di-layani. Ketua2 pejabat hendak-lah mengirimkan surat2 permohonan itu beserta dengan sampul sulit dengan so-kongan mereka mengenai kelaya-kan2 permohonan itu."

PERUSAHAAN MEMBUAT PASU BUNGA DI-BRUNEI

BERAKAS. — Sa-buah perusahaan membuat pasu bunga daripada simin telah di-usahkan oleh orang Melayu di-Kampong Pulaie Jalan Berakas lebeh kurang 4 batu jauh-nya dari Bandar Brunei.

Perusahaan tersebut di-kenda-likan oleh dua orang Melayu tempatan Inche Timbang bin Ahmad dan Inche Bakar bin Saleh dengan modal lebeh kurang \$3,000.

Perusahaan ini telah berjalan lebeh kurang 3 bulan yang lalu.

Sa-hingga pada masa ini lebeh kurang 1,000 buah pasu telah di-buat mereka dan kebanyakan pasu2 itu telah di-beli oleh Jabatan2 Kerajaan dan sekolah2 dalam Negeri Brunei dan beberapa orang persaorangan.

Inche Timbang menyatakan bahawa perusahaan mereka itu ada-lah mendapat sambutan dari orang ramai terutama pada masa ini orang2 di-Brunei kebanyakan membuat rumah baharu yang sudah tentu akan berkehendakkan pasu2 bunga untuk menghiasi rumah mereka.

"Ada kemungkinan kami akan berjual pokok2 bunga dengan pasu2-nya sekali dengan harga

yang berpatutan"; ujar beliau.

Menurut Inche Timbang baha-wa mereka bekerja tiap2 hari dari pagi sampai ka-petang dan boleh menyiapkan sa-banyak 30 biji p a s u dengan menggunakan

LAWATAN PEGAWAI-PEGAWAI PENERANGAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. — Dua rombongan pegawai2 Badan Pe-nerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-Muara pada ha-ri Juma'at akan datang untuk member i sharahan di-mesjid Kampong Batu Marang pada puk-ul 11 pagi.

Lawatan pegawai2 badan pene-rangan itu termasuk dalam bid-ang lawatan mereka ka-seluruh negeri yang telah di-tetapkan bagi bulan ini.

Pada hari Juma'at 26 May rombongan2 itu akan memberi sharahan di-mesjid Kampong Si-naut pada pukul 11 pagi. Pada

achuan yang tertentu yang di-tempah dari Singapura.

"Kerja membuat pasu ini meng-ambil masa sa-lama 18 jam menantikan simin itu beku, dan sa-telah itu baharu-lah boleh di-buka dari achuan-nya kemudian di-halusi dengan simin dan ba-haru-lah di-sapu dengan chat si-min menurut warna yang kita sukai," kata Inche Timbang.

hari itu juga satu rombongan lagi akan berlepas ka-Temburong un-tok memberi sharahan di-mesjid Kampong Batu Apoi pada masa yang sama.

Dalam bulan ini rombongan pegawai2 penerangan dari badan penerangan itu telah memberi sharahan di-tempat2 yang berik-ut; Sungai Liang, Kampong Kasat, Bandar Seria dan Kam-pong Lumapas.

JAWATAN KUASA PERANCHANG


BANDAR BRUNEI. — Sa-buah jawatan kuasa kecil yang di-namakan Jawatan Kuasa Pe-ranchang di-bawah Jema'ah Kemajuan Negara telah di-tuboh-kan di-negeri ini.

Ahli2 jawatan kuasa kecil itu mengandungi Menteri Bes ar (pengerusi), Setia Usaha Kema-juan (setia usaha), Penasihat Peranchang Ekonomi dan peg-awai2 kerajaan atau orang2 luar daripada perkhidmatan kerajaan yang akan di-lantek kelak.

Pejabat Baharu Sharikat Minyak

BANDAR BRUNEI. — Peja-bat bagi Wakil Sharikat Minyak Brunei Shell telah di-buka ba-haru2 ini di-nombor 60 Jalan Sultan, Bandar Brunei.

Tuan P.A. Coates telah di-lantek sa-bagai wakil sharikat minyak itu dan telah pun men-jalankan kewajipan beliau.



Gambar ramai sa-bilangan daripada ahli2 Pasokan Sepak Raga Jaring Tunas Baru, Bandar Brunei.

ALLAH JUGA YANG KEKAL

BANDAR BRUNEI. — Dengan sedeh-nya di-beri-ta kan bahawa Awangku Johari bin Pengiran Ahmad, chuchunda kepada Al-mer-hom Duli Pengiran Benda-hara Anak Haji Mohamed Yassin telah meninggal du-nia pada pagi hari Khamis yang lalu.

Berhubung dengan ke-mangkatan tersebut ben-dera2 telah di-kibarkan sa-paroh tiang di-bangunan2 jabatan Kerajaan Brunei dan lain2-nya pada hari tersebut.



Gambar ini menunjukkan Inche Timbang bin Ahmad dan Inche Bakar bin Saleh sedang menanggalkan achuan pasu2 itu.

MATI BAHASA MATI-LAH BANGSA - MARHANI

"Ledakan atom di-Hiroshima dan Nagasaki (dua buah kota yang di-maksudkan) dalam pergolakan perang Hitler, Mousolini dan Tennaoka (perang dunia kedua) hanya sa-kadar dapat membunuh manusia, meruntuhkan bangunan2 yang menchakar langit dan meratakan kawasan yang merupakan padang jarak padang tekukor, namun bangsa Jepun tidak turut mati, yang mati hanya-lah manusia biasa.

"Jiwa bangsa itu maseh hidup, itu-lah bahasa persada, yang maseh menghiasi sa-tiap2 lidah bangsa Jepun dari kota sampai ka-desa dari ngarai sampai ka-lambah"; antara lain Puan Marhani menulis.

Karangan beliau sa-lengkap-nya ada-lah saperti berikut:

KEDAULATAN BANGSA

Demi untuk kehormatan persada dan kedaulatan bangsa, rinjiskan-lah ayer atma jiwa ka-atas pertumbuhan bahasa ibunda, yang menjadi jiwa bangsa, kerana mati bahasa mati-lah bangsa.

Tiada kemusnahan yang paling hina menimpa ka-atas sa-suatu bangsa itu, sa-lain dari kemusnahan bahasa ibunda-nya. Dan tiada bangsa yang mati di-dunia ini, sa-lain dari bangsa yang telah mati bahasa keturunan-nya itu.

Kematian bahasa itu ada-lah merachun seluruh jenerasi (keturunan) bangsa, dari yang tua bangsa hingga membawa kepada anak yang di-dalam rahim ibu-nya.

Justeru itu, tersimpul-lah kata istilah yang merupakan lambang sa-suatu bangsa bahawa bahasa itu jiwa bangsa, dengan lain perkataan "mati bahasa mati-lah bangsa".

SEJARAH KERUNTOHAN

Sering benar orang memper-katakan bahawa mati-nya bangsa itu kerana bumi dan ra'ayat-nya terjajah. Tetapi kematian bangsa yang hakiki ia-lah dengan mati-nya bahasa sa-suatu bangsa itu.

Andai-nya sudah tidak ada lagi lidah anak2 bangsa yang menutorkan bahasa ibunda-nya maka di-sana-lah terletak-mati bangsa itu telah mati sa-mati2-nya, mati yang tiada mempunyai pusara di-atas persada ibu pertiwi.

Kalau orang berdegil juga mengatakan bahawa kematian bangsa itu kerana negara dan ra'ayat-nya terjajah, maka kita ingin sekali menyingkap sejarah untuk membuktikan kebenaran. Mari kita berkenalan dengan sejarah keruntuhan dalam zaman Asia Timur Raya.


Ledakan atom di-Hiroshima dan Nagasaki (dua buah kota

Puan Marhani binti Abd. Latiff telah mendapat hadiah pertama dalam peraduan mengarang Minggu Bahasa Kebangsaan pada 10 hingga 16 April lepas bagi orang2 dewasa Melayu dengan tajok karangan-nya "mati bahasa mati-lah bangsa."

Puan Marhani, berumur 18 tahun, bekerja di-Jabatan Pilehan Raya Brunei ada-lah sa-orang wanita yang berbakat dalam lapangan karang mengarang.

Memandang inti-sari karangan Puan Marhani ini ada-lah mengandungi unsur2 pendapat yang tidak dapat di-tolak kebenaran-nya demi memupok keyakinan bahawa bahasa Melayu akan berdaulat di-Ibu Pertiwi-nya sesuai dengan maksud perlembagaan Negeri Brunei, maka kita siarkan dalam Pelita Brunei keluaran ini.

yang di-maksudkan) dalam pergolakan perang Hitler, Mousolini dan Tennaoka (perang dunia kedua) hanya sa-kadar dapat membunuh manusia, meruntuhkan bangunan2 yang menchakar langit dan



PUAN MARHANI

meratakan kawasan yang merupakan padang jarak padang tekukor, namun bangsa Jepun tidak turut mati, yang mati hanya-lah manusia biasa. Jiwa bangsa itu maseh hidup, itu-lah bahasa persada, yang maseh menghiasi sa-tiap2 lidah anak2 bangsa Jepun, dari kota sampai ka-desa dari ngarai sampai ka-lambah.

MASEH HIDUP

Kenyataan ini pun berlaku di-Alam Melayu kita ini. Keruntuhan Kerajaan Melaka dan Majapahit, hanya sa-kadar dapat membunuh para pejuang bangsa dan menggugorkan para sateria, tetapi jiwa bangsa maseh hidup di-bawah kibaran bendera asing itu. Bakti-nya bahasa Melayu maseh di-pertutorkan dari Selatan negara Gajah Putih (Siam) sampai ka-Temasik (Singapura) dari Sabang sampai ka-Maruki (Kepulauan Indonesia) dan di-sekitar Kalimantan, umum-nya di-seluruh kepulauan Melayu ini.

Dengan gambaran sejarah

yang ringkas ini, sudah lebeh dari cukup untuk membuktikan bahawa bahasa-lah yang menjadi jiwa kepada sa-suatu bangsa itu. Maka dengan mati-nya bahasa maka baru-lah di-katakan sa-suatu bangsa itu telah di-pelok maut.

Orang yang kurang yakin dalam soal ini akan bertanya, kenapa-kah gerangan-nya bahasa Melayu itu tidak mati setelah alam-nya di-jajah oleh berganti oleh Belanda, Inggeris dan Peringgi?

Dengan segala senang hati sejarah menjawab bahawa bahasa tidak dapat di-bunuh, yang dapat di-bunuh hanya-lah pejuang bahasa.

Revolusi bahasa tidak dapat di-sekat2 dan di-tahan2, yang dapat di-tahan dan di-penjara hanya-lah revolusiner bahasa. Hanya yang dapat membunuh bahasa itu ia-lah anak2 bangsa itu sendiri, sedang penjajah hanya dapat mematikan kuasa anak2 bangsa itu sahaja.

KEMBALI BERDAULAT

Oleh itu sa-tiap bangsa dan negara yang menyedari dan memahami istilah "mati bahasa mati-lah bangsa" maka rayat dan negara itu menjung tinggi bahasa mereka dan berusaha untuk mendaulatkan-nya.

Oleh kesedaran jenerasi inilah maka bahasa Melayu kembali berdaulat dan di-daulatkan sa-telah di-injak oleh sepatu penjajah hampir2 empat kurun lama-nya.

Dan dengan kesedaran inilah juga sa-tiap negara yang merdeka dan yang sedang di-ambang kemerdekaan memeningkan bahasa-nya yang bererti memupok pertumbuhan jiwa bangsa.

Bahasa Melayu termaktub di-dalam Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu sa-bagai bahasa kebangsaan yang berdaulat dan di-daulatkan di-seluruh tanah ayer. Bahasa Melayu terchatat dengan sharat di-dalam USDEK Re-

publik Indonesia yang di-pertutorkan oleh 90 juta manusia di-seluruh negeri itu, malah sampai di-dalam perlembagaan negara kita yang sedang di-ambang kemerdekaan ini pun mendaulatkan bahasa Melayu yang bukan sahaja dengan janji, malah dengan mohor dan tanda tangan yang di-meterikan di-nombor 10 Downing Street London dalam tahun 1959 dan di-ishtiharkan pula dengan sa-chara rasmi pada detik yang bersejarah 29hb. September 1959 di-Lapau Di-Raja.

PERLU MEMAHAMI

Dari itu sa-tiap orang yang mengakui bahawa dia anak keturunan bangsa ada-lah bertanggung jawab atas hidup dan mati-nya bahasa. Anak2 bangsa wajib memelihara jiwa bangsa-nya. Dan akan menjadi suatu dosa yang maha besar kepada bangsa dan tanah ayer sa-kira-nya dia membiarkan jiwa bangsa-nya tertindih dan merintih, apa lagi menodai dan menghinakan bahasa yang menjadi jiwa bangsa-nya itu.

Anak2 keturunan bangsa yang mengkhianati bahasa ibunda-nya itu, dia-lah atom dialah hydrogen dan nuklear yang utama untuk membunuh bangsa-nya. Oleh kerana telah di-katakan mati bahasa mati-lah bangsa, jadi sa-chara tidak langsung orang2 yang mengkhianati bahasa tadi telah membunuh bangsa-nya sendiri malah telah membunuh dirinya sendiri tanpa di-sedari.

Di-sini perlu kita memahami sa-chara mendalam atau sa-kurang2-nya mendekati kesedaran tentang perhubungan bahasa dengan bangsa itu. Kita dapat mengambil ukuran atau membuat perincian dalam hubungan ini kalau kita tidak keberatan meninjau beberapa jurusan penting yang berkaitan dengan masyarakat.

SA-CHARA ANALISA

Andai kata bahasa sakit maka bangsa itu juga akan menanggung sakit, sa-kira-nya bahasa itu sehat maka bangsa juga akan turut sehat dan jika sa-kira-nya bahasa itu mati maka mati-lah pula bangsa tadi. Demikian sa-chara ringkas dalam memperkatakan pertalian antara bahasa dan bangsa.

Sa-chara analisa, dapat kita tegaskan dengan alasan yang berjejak kepada kenyataan. Kalau penggunaan atau pelaksanaan bahasa tadi kaku dan beku di-kalangan pemerintah dan ra'ayat maka bangsa itu juga akan hidup kaku saperti batu dan thalji. Bang-

(Lihat Muka 6)

PEPEREKSAAN BAHASA MELAYU

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan Bahasa Melayu Tingkatan Pertama bagi pegawai2 Kerajaan yang bukan Melayu akan diadakan sa-lama dua hari dari 5 hingga 7 June hadapan mulai jam 4.30 petang bertempat di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri bagi chalon2 kawasan Brunei dan di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait bagi chalon2 kawasan Seria dan Kuala Belait.

Pendaftaran kerana memasoki peperiksaan tersebut akan dimulakan pada 29 May dan ditutup pada 1 June hadapan.

Chalon2 yang hendak memasoki peperiksaan ini hendaklah mengisikan borang pendaftaran yang boleh di-dapati dari guru yang mengajar mereka.

Sharat2 untuk memasoki peperiksaan ini ia-lah:

★ Terbuka kepada pegawai2 Kerajaan yang bukan Melayu yang belajar bahasa Melayu di-darjah petang dengan kedatangan-nya memuassakan;

★ Sa-saorang chalon hendaklah mendapat sokongan da-

ripada guru yang mengajar di-darjah-nya mengenai kebolehan-nya memasoki peperiksaan tersebut; dan

★ Memasoki peperiksaan ini tidak di-kenakan apa2 bayaran.

Perkara2 yang termasuk dalam peperiksaan:

★ Menjawab di-kertas—termasuk karangan, surat kiriman, nahu dan renchana; dan

★ So'al jawab di-mulut—termasuk bacahan.

Chalon2 yang lulus dalam peperiksaan ini akan belajar Bahasa Melayu Tingkatan Kedua mulai 26 June hadapan.

JAWATAN INSPEKTOR KESEHATAN

BANDAR BRUNEI.—Orang ramai ada-lah di-jemput membuat permohonan jawatan Inspektor Kesehatan dalam lathan.

Chalon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun, di-peranakkan di-Brunei dan mesti-lah mempunyai tubuh badan yang sehat.

Para pemohon mesti-lah lulus peperiksaan Darjah Sembilan di-Sekolah Inggeris dengan mendapat kepujian dalam bahasa Inggeris, dan dalam ilmu Science atau pun General Science.

KEUTAMAAN

Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang boleh menulis dan berchakap bahasa Melayu.

Tingkatan gaji ada-lah seperti di-bawah ini:

Inspektor Kesehatan dalam lathan—tingkatan bawah D(b) 3-4 \$240 - \$250 - \$260 - \$280.

Inspektor Kesehatan dalam lathan—tingkatan atas D(a) 1-2-3-5-6-7 \$350 x \$20 - \$480/BAR/\$500 x \$20 - \$620.

Inspektor Kesehatan yang kanan — C(b) 2-3 \$520 - \$540 x \$30 - \$840.

Chalon2 yang di-pilih akan di-lantek dalam perhubungan sa-lama tiga tahun dan mesti-lah mendapat Sijil dari "Royal Society for Promotion of Health" sa-belum menamatkan tempoh perhubungan.

Satu kursus akan di-adakan bagi chalon2 dalam perhubungan sama ada di-Singapura atau di-Malaya untuk membolehkan-nya mendapat sijil tersebut.

Bayaran2 belajar dan peperiksaan akan di-bayar oleh Kerajaan.

Chalon2 dalam perhubungan yang menghadhiri kursus ini di-beri tempat tinggal perchu-

atau alaan tempat tinggal bersama2 dengan alaan m a k a n dan keinderaan mengikut kadar yang di-benarkan oleh Kerajaan dari semasa ka-semasa.

Chalon2 dalam perhubungan yang gagal pada pertama kali untuk mendapat sijil tersebut boleh di-benarkan mengambil kursus itu pada kali yang kedua-nya. Kebenaran ini akan di-beri sa-kali atau lebih dari sa-kali menurut sokongan dari Ketua Pejabat chalon2 itu.

Pegawai2 Perhubungan yang telah mendapat sijil "Royal Society for Promotion of Health" dan telah tamat masa perhubungan serta juga di-sokong oleh Ketua Pejabat mereka akan ditetapkan dalam jawatan masing2.

MEMPUNYAI SIJIL

Inspektor2 Kesehatan yang mempunyai sijil tersebut dan telah lulus "Efficiency Bar" yang kedua akan berhak di-naikkan pangkat dengan jalan pemilihan kepada jawatan2 kosong bagi Inspektor Kesehatan yang kanan.

Permohonan2 hendaklah di-hantar kepada Pegawai Perjawatan, Brunei dan dia akan mengirimkan borang2 permohonan yang perlu kepada orang2 yang membuat permohonan itu. Borang2 permohonan mesti di-kembalikan kepada Pegawai Perjawatan itu tidak lewat dari 1 June, 1961.



Pejabat Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei yang telah siap di-bena baharu2 ini.

Kerja Kosong:

JURU-TEKNIK MAKMAL

BANDAR BRUNEI. — Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Juru-teknik Makmal dalam lathan.

Kelayakan2: Chalon2 yang akan di-ambil bekerja di-bawah ranchangan ini hendaklah berumur tidak kurang dari 17 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun.

Chalon2 itu hendaklah dilahirkan dalam Negeri Brunei dan mesti-lah lulus peperiksaan Darjah Sembilan di-Sekolah Inggeris.

Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang mendapat "credit" dalam bahasa Inggeris dan salah satu perkara sama ada dalam ilmu "Science" atau "General Science" atau "Additional Mathematics".

TINGKATAN GAJI

Tingkatan gaji: (a) Juru-teknik Makmal dalam lathan — \$211 - \$300. (b) Juru-teknik Makmal yang terlath — \$350 - \$370 - \$380 x \$20 - \$440/BAR/\$460 x \$20 - \$600. (c) Juru-teknik Makmal yang kanan —

\$570 x \$30 - \$840, dan (d) Ketua Juru-teknik Makmal — \$850 x \$30 - \$1,100.

Chalon2 yang di-pilih akan di-lantek dalam perhubungan sa-lama tiga tahun sa-bagai Juru-teknik Makmal dalam lathan, dan ada-lah di-kehendaki mengambil satu kursus lathan di-Institute for Medical Research, Kuala Lumpur, Persekutuan Tanah Melayu.

Pegawai2 Perhubungan di-kehendaki lulus semua peperiksaan kursus lathan mereka sa-sama dalam tempoh perhubungan.

LULUS PEPEREKSAAN

Pegawai2 Perhubungan yang telah lulus peperiksaan akhir dan telah tamat perkhidmatan sa-lama sa-tahun di-peringkat gaji yang sa-habis tinggi bagi tingkatan gaji Pegawai2 Perhubungan dan yang di-sokong oleh Ketua Pejabat mereka, akan di-tetapkan dalam jawatan mereka.

Permohonan2 hendaklah di-hantar kepada Pegawai Perjawatan Brunei yang akan mengirimkan borang2 permohonan kepada orang2 yang membuat permohonan itu dan borang2 itu mesti-lah di-hantar balek kepada Pegawai Perjawatan tidak lewat dari 1 June 1961.

MALAM SUKA RIA RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Radio Brunei akan mempersembahkan "Malam Suka Ria" bertempat di-dewan Shell Recreation Club, Seria pada malam 27 May.

SELAMAT BERPISAH

Majlis itu di-adakan ia-lah sa-bagai sambutan Hari Raya Haji dan juga sa-bagai mengucapkan selamat berpisah kepada be-

berapa orang anggota Radio Brunei.

Berbagai2 tarian yang berchorak kebudayaan, nyanyian2 suka-ramai, lawak jenaka dan lain2 acara yang istimewa akan di-persembahkan di-temasha tersebut.

Orang ramai dapat-lah menyaksikan acara tersebut dengan perchuma.

Sambutan Hari Buroh Sa-Dunia

BANDAR BRUNEI. — Hari Buroh Sa-Dunia yang jatuh pada tiap2 1hb May memang wajib dan sudah sa-layak-nya di-peringati oleh seluruh kaum buroh kerana tanggal tersebut ada-lah merupakan satu sa'at kemenangan, tidak seperti berat2 tahun yang silam.

Demikian antara lain telah di-tegaskan oleh Inche' A. Abd. Hafidz, Setia Usaha Agong 4B, dalam majlis perayaan "hari buroh sa-dunia" yang di-adakan oleh Barisan Buroh Bersatu Brunei bertempat di-pejabat-nya dengan di-hadiri oleh pemimpin2 chawangan 4B di-seluruh tanah ayer dan wakil2 orang China, India, PGGMB, Persatuan Pegawai Kerja Tetap Kerajaan dan lain2.

Inche' Hafidz berkata:

"Oleh kerana penting-nya tanggal 1 May bagi tiap2 sa-orang buroh di-negeri ini khususnya dan kaum buroh seluruh dunia umum-nya maka sebab itu-lah, kita mengadakan perayaan ini."

Beliau juga telah menelaah bahawa sa-lagi belum ada undang2 perburuhan dalam sa-buah negara maka sa-lama itu-lah kaum2 modal atau majikan2 berleluasa membuat sa-kehendak hati-nya dan ketika itu-lah perhambaan dan penindasan bermaharaja lela.

"Tetapi sejak kongres antara bangsa yang telah di-adakan pada tahun 1889 di-Paris," kata Inche' Hafidz, "maka pemerasan dan perhambaan itu di-hapuskan dan di-ganti dengan perlembagaan baharu yang menentukan undang2 perburuhan bagi semua kaum buroh dan telah menetapkan bahawa kaum buroh seluruh dunia hendak-lah di-berikan kebebasan pada 1 May tiap2 tahun".

MEMPERJUANGKAN NASIB

Setia Usaha Agong 4B itu berharap mudahan2 hari kebebasan 1 May ini juga akan di-berikan kepada kaum buroh di-negeri ini, tegas-nya 1 May ada-lah menjadi kelepasan umum.

Beliau telah menggesa semua kaum buroh supaya lebeh2 berazam memperjuangkan nasib kaum buroh dengan melalui saluran persatuan supaya dengan itu kita akan mempunyai kekuatan.

Inche' Hafidz menambah: "Tidak ada siapa pun berani mempermainkan kita kerana dapat di-buktikan bahwa ratusan ribu manusia di-dunia ini ada-lah bekerja sa-bagai kaum buroh."

"Tenaga kaum buroh ada-lah faktor penting yang besar bantuan-nya terhadap manusia di-dunia ini."

Beliau berharap sa-moga peringatan 1 May ini akan dapat menambah kesedaran dan keinsafan kepada kaum buroh di-tanah ayer kita ini supaya membena dan membangun negara yang sedang dalam pembangunan dan menyusun masyarakat yang adil dan ma'amor.

Inche' A. M. Azahari, Penasehat Kehormat 4B, yang telah juga berucap dalam perayaan itu dan menyeru kepada seluruh

kaum buroh dalam negeri ini supaya bersatu padu.

Beliau juga telah menyeru kepada pertubuhan2 buroh dalam negeri ini supaya bekerja sama bahu membahu dan jangan hina menghina antara satu dengan lain.

Inche' Azahari mengharapkan supaya pada masa akan datang perjuangan kaum buroh hendaklah menchiptakan masyarakat yang adil dan ma'amor dalam negeri ini supaya dengan itu akan lebeh kuat lagi dan tidak dapat di-pechah2kan.

Ucapan2 telah juga di-lafadzkan oleh Setia Usaha Agong PGGMB, Inche' Umar bin Muhammad; Yang Di-Pertua Persatuan Pegawai2 Tetap Kerajaan Pengiran Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Yang Di-Pertua Dewan Perniagaan China, Inche' Lim Boon Koon; Setia Usaha Agong Partai Ra'ayat, Inche' Jassin Affandi dan lain2.



Inche A.M. Azahari, penasehat 4B kelihatan memberi ucapan di-majlis Hari Buroh Sa-dunia di-Ibu Pejabat 4B pada 1 May yang lalu. Gambar di-penjuru atas sebelah kanan ia-lah Inche A. Abd. Hafidz, Setia Usaha Agong 4B yang juga berucap di-majlis itu.

SOPAN SANTUN ORANG2 FILIPINA

BANDAR BRUNEI—Ramah tamah dan sopan santun orang2 Filipina terhadap orang2 datang mengunjung negeri mereka telah di-cheritakan oleh Inche' Umar bin Muhammad, Setia Usaha Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei.

Tinjauan beliau ada-lah dalam masa yang singkat sa-masa menghadiri Seminar Guru2 Antara Bangsa di-Manila pada bulan February yang lalu, sa-bagai wakil PGGMB bersama2 dengan Inche' Suni bin Idris.

Inche' Umar berkata bahawa kebanyakan orang2 Filipina menganggap orang2 yang dari kepulauan Melayu ini ada-lah berasal

dari rumpun kebudayaan yang satu terutama mengenai bahasa dan adat2 yang di-pakai mereka sekarang ini.

BANYAK BERSAMAAN

"Boleh di-katakan adat2-nya banyak yang bersamaan dengan orang2 kita Melayu, begitu juga beberapa perkataan mithal-nya pintu, kanan, lelaki, biabas, sarong dan lain2", tegas beliau.

Mengenai pelajaran orang2 di-sana menurut tinjauan Inche' Umar bahawa mereka lebeh tinggi taraf pelajaran-nya dari negara2 di-Tenggara Asia.

"Guru-nya yang mengajar semua-nya ada mempunyai tauliah baik guru yang mengajar di-darjah rendah," tambah beliau.

Mencheritakan hal gaji guru2 di-Manila, Inche' Umar menjelaskan bahawa gaji guru di-sana lebeh rendah dari gaji guru kita di-sini.

BEKERJA SAMA

Satu perkara yang menarik perhatian, kata beliau ia-lah kebanyakan orang2 di-Manila dalam mencari nafkah penghidupan ada dengan latehan2 terlebeh dahulu sa-belum memasuki satu2 chara penghidupan, mithal-nya mendubeh, bertukang, kerani dan lain2.

Inche' Umar berkata:

"Orang2 di-sana kebanyakan hidup dengan bekerja dan belajar, dan jarang di-dapati orang yang membuang masa dengan sia2.

"Lagi yang menarik perhatian saya ia-lah kebanyakan orang2 Filipina baik orang Kerajaan-nya atau orang2 kampong-nya ada-lah bekerja sama membuat apa2 anjoran dari kedua belah pihak; mithal-nya mengadakan festival negara dan lain2."

BANGSA DI-KENALI KERANA BAHASA-NYA

(Dari Muka 4)

sa itu tidak bergerak tidak active dan dinamis, maka jadi-lah bangsa itu hidup penaka kerakap tumbuh di-batu: hidup segan mati ta' mahu.

PERTALIAN BAHASA

Kalau bahasa tadi di-jajah oleh bahasa asing maka bahang penjajahan itu terbayang pula di-masyarakat bangsa. Terbayang kehancoran pada kesenian dan menyilau kemusnahan kebudayaan. Maka lenyap-lah kesenian dan kebudayaan yang di-sanjong turun temurun, turut bersama dengan lenyap-nya kehormatan bangsa.

Semenjak dunia terkembang, sa-suatu bangsa itu di-kenali oleh dunia kerana bahasa-nya. Kita mengenali bangsa Inggeris kerana bahasa-nya, kita mengenali bangsa Arab kerana berbahasa Melayu. Pendek-nya lenyap bahasa lenyap-lah bangsa.

Sa-telah kita mengetahui betapa penting-nya pertalian antara bahasa dan bangsa itu maka apa-kah kita akan bersorak megah dengan mendaulatkan bahasa asing di-atas pusara kematian bahasa kita? Se-

dar-lah bahawa sekarang kita bernafas dalam zaman pembangunan, dan pembangunan itu tidak akan tegak berdiri di-atas kaki anak2 bangsa yang tidak berjiwa.

PERANG BAHASA

Sa-belum matahari terbit pada tanggal 10 haribulan April 1961, revolusi bahasa akan meletus di-negara kita. Di-dalam revolusi bahasa ini ra'ayat menyerahkan hidup dan mati-nya bangsa itu kepada para pejuang bahasa kita yang berdarah Sultan Takdir Ali Sjahbana, yang berjiwa Pramudiya Anantatur, yang bersemangat Sino Situmurang, yang senikam Amir Hamzah dan yang berani mati sa-bagai Chairul Anuar yang gugur di-medan pergulakan bahasa.

Perang bahasa itu akan merupakan minggu dugaan yang akan menentukan untung nasib bangsa kita. Andai-nya kita tewas dalam revolusi bahasa ini maka akan terchatat-lah satu sejarah hitam — sejarah kematian bahasa yang membawa mati-nya bangsa. Di-jauhkan Tuhan-lah hendak-nya.

PERTANDINGAN BOLA SEPAK:

Brunei melawan Hongkong

BANDAR BRUNEI — Satu pasukan bola sepak yang terkenal di-Hongkong akan melawat ka-Negeri Brunei dalam bulan June hadapan. Pada masa lawatan itu pasukan tersebut akan mengadakan satu perlawanan bola sepak dengan pasukan bola sepak Negeri Brunei. Demikian menurut satu pucuk yang rasmi.

Bagaimana pun, sa-takat ini belum-lah di-ketahui lagi tarikh yang tepat dan tempat perlawanan bola sepak tersebut.

Menurut keterangan sa-orang pegawai kanan Persatuan Bola Sepak Negeri Brunei, terlebih dahulu persatuan itu akan mengadakan pertandingan2 bola sepak di-antara pemain2 bola sepak di-sini untuk memilih pe-

main2 yang akan mewakili negeri ini dalam perlawanan itu.

Sa-lain dari Negeri Brunei,

pasukan bola sepak dari Hongkong itu akan melawat ka-Borneo Utara untuk mengadakan perlawanan2 bola sepak dengan pemain2 bola sepak di-Jesselton dan juga di-Sandakan.



Permainan sepak raga jaring ada-lah di-gemari oleh pemuda2 tempatan. Tiga orang pemuda kelihatan dalam gambar ini ashet bermain sepak raga jaring itu di-Bandar Brunei.

PEMENANG2 TENNIS

BANDAR BRUNEI — Pemenang2 pertandingan tennis di-bawah anjoran Klab Tennis Brunei yang telah di-adakan tidak berapa lama dahulu ada-lah seperti di-bawah ini:

Bahagian sa-saorang: Johan — Jimmy Lim. Naib johan — Clement Chia.

Bahagian Bergu: Johan — Ali Hassan dan Mahyuddin. Naib johan — Jimmy Lim dan Malcolm Zoe.

Pegawai2 Baharu Klab Tennis Brunei

BANDAR BRUNEI — Tuan S.J. Clark telah di-lantik sa-kali lagi menjadi presiden, Klab Tennis Brunei dalam meshuarat agong klab itu di-Brunei Hotel baharu2 ini.

Lain2 pegawai baharu Klab Tennis Brunei yang telah dilantik dalam meshuarat tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Setia usaha yang kehormat — Inche S. Vasan. Penyimpan wang yang kehormat — Inche N. Subramaniam (di-lantik sa-mula). Ketua pasukan — Inche Howe Soo Beng (di-lantik sa-mula).

Ahli2 jawatan kuasa — Inche Malcolm Zoe (di-lantik sa-mula), Pengiran Metusin bin Pengiran Piut dan Inche Stephen Chen.

TEMASHA SUKAN MAKTAB PERGURUAN

BERAKAS — Maktab Perguruan Guru2 Melayu Brunei akan mengadakan temasha sukan-nya bagi kali yang ketiga dipadang Bandar Brunei pada hari Ahad 21 May mulai pada pukul 2.30 petang.

Semua-nya 21 perlawanan akan di-adakan, di-antara-nya ia-lah tiga perlawanan yang terbuka kepada "penuntut2" wanita maktab itu.

Sa-lain dari itu, di-antara perlawanan2 yang akan di-adakan ia-lah satu perlawanan khas terbuka kepada pegawai2 sukan itu, lumba lari sa-ratus ela terbuka kepada murid2 tua maktab itu, lumba lari satu batu terbuka kepada orang ramai, lumba lari berganti2 4 x 110 ela terbuka kepada sekolah2 di-seluruh Brunei dan perlawanan terek tali di-antara "penuntut2" lelaki maktab tersebut.

BRUNEI MENGALAHKAN KUCHING 5 GOL BERBALAS 1

SERIA — Brunei telah mengalahkan Kuching dalam satu perlawanan hokey yang hebat di-sini sadikit hari dahulu dengan lima gol berbalas satu.

Norman Vowles telah menjaringkan tiga gol dan Nazareth dua gol bagi pasukan Brunei.

Gol yang tunggal bagi pasukan Kuching di-jaringkan oleh Cheah Say Oh.

Pasukan tempatan telah mengejutkan pasukan para pelawat itu lima minit sa-telah perlawanan di-mulai apabila Nazareth berjaya menembusi masuk ka-dalam kubu pertahanan para pelawat itu dan menjaringkan gol Brunei yang pertama.

Lima minit kemudian Nazareth sa-kali lagi menjaringkan satu gol sa-telah mendapat pukolan bola dari sayap kiri pasukan Brunei, Awangku Radin.

Gol yang ketiga bagi pasukan Brunei di-jaringkan oleh Norman Vowles dua minit kemudian dan tiga minit sa-belum tamat pusingan yang pertama Norman Vowles telah berjaya menjaringkan satu gol lagi.

Sa-telah perlawanan di-sambungkan sa-mula, Kuching telah berhasil menjaringkan gol-nya yang tunggal dalam perlawanan

itu menerusi sayap kiri-nya Cheah Say Oh.

Tidak berapa lama sa-belum tamat perlawanan tersebut Brunei telah dapat satu gol lagi menerusi Norman Vowles sa-telah ia mendapat pukolan bola dari sayap kiri pasukan Brunei, Awangku Radin.

Meskipun pasukan dari Kuching berikhtiar beberapa kali hendak mengurangkan kekalahan pasukan itu akan tetapi oleh kerana kubu pertahanan pasukan tempatan di-jagai dengan kuat oleh pemain2 tempatan, maka perlawanan itu berkesudahan dengan Brunei mengalahkan Kuching lima gol berbalas satu.

KUCHING MENANG

SERIA — Pasukan Kuching yang telah kalah dalam perlawanan hokey dengan pasukan Negeri Brunei sa-bagai mana yang di-siarkan di-muka ini, telah berjaya mengalahkan satu pasukan tempatan dalam perlawanan hokey sa-hari sa-lepas di-adakan perlawanan itu.

Pada kali ini Kuching mengalahkan Daerah Belait dengan enam gol tidak berbalas.

Edgerley menjaringkan empat gol, McGilligan satu gol dan Cheah Say On menjaringkan satu gol bagi pasukan para pelawat tersebut.



Pemain2 hokey yang mewakili Brunei dan Kuching dalam satu perlawanan yang hebat di-Seria sa-dikit hari dahulu di-gambarkan sa-belum perlawanan itu di-langsangkan.

SA-LEPAS MAJOR GAGARIN SHEPARD PULA KA-ANGKASA LEPAS

CAPE CANAVERAL. — Amerika Sharikat telah berjaya menghantarkan warga negara-nya yang pertama sa-kali ka-angkasa lepas dalam sa-buah roket pada pagi hari Jumaat 5 May, 1961.

Orang itu ia-lah Commander Alan Shepard, sa-orang pegawai Angkatan Laut Amerika Sharikat yang berumur 37 tahun dan mempunyai dua orang anak.

Ia telah di-terbangkan ka-angkasa lepas dari Cape Canaveral sa-tinggi 115 batu dan turun balek dengan selamat dalam alat penerbangan tersebut di-Lautan Atlantik dengan mengambil masa 16 minit.

Pada masa Commander Shepard keluar dari alat penerbangan itu, ia telah di-terbangkan

**D. Y. M. M. Sultan
Pahang**

membuka Mesjid

KUALA LUMPUR. — Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang telah membuka dengan resmi-nya baharu2 ini sa-buah mesjid yang baharu di-Kampung Lubok, Pekan, Pahang.

Perbelanjaan bagi membangukan mesjid itu ia-lah sa-banyak \$7,000.

dalam sa-buah helikopter ka-sa-buah kapal membawa kapal2 terbang bernama Lake Champlain di-lautan itu letak-nya 3 batu dari alat penerbangan itu dan 290 batu jauh dari Cape Canaveral.

Kemudian Commander Shepard di-bawa turun ka-Bilik Lak-samana kapal tersebut untuk di-rawat, dan pada masa itu-lah Presiden Amerika Sharikat Kennedy sendiri mengucapkan tahniah kepada Commander Shepard melalui telepon radio.

Di-antara orang2 yang mengucapkan tahniah kepada Commander Shepard itu ia-lah Perdana Menteri Inggeris Harold McMillan dan Perdana Menteri Russia Khrushchev.

Menurut satu berita yang terakhir berhubung dengan kejayaan pegawai Angkatan Laut Amerika Sharikat itu ka-angkasa lepas, Presiden Kennedy menyatakan bahawa pertadbiran-nya

akan meminta kepada Kongres supaya menguntokkan wang yang lebeh banyak lagi untuk ranchangan angkasa lepas.

Presiden Kennedy berkata bahawa semua warga negara Amerika Sharikat sangat gembira atas kejayaan Commander Alan Shepard sa-bagai mana yang termal.

Beliau telah menjemput Commander Shepard ka-Washington dan boleh jadi Presiden Kennedy di-jangka memberikan pingat kehormatan yang tinggi kepada Commander Shepard.

Kesatuan Negara Afrika

ACCRA. — "Kesatuan Negara Afrika" telah di-bentuk di-sini mengandungi Ghana, Guinea dan Mali.

Dengan pembentokan kesatuan tersebut terchapai-lah sa-bahagian daripada chita2 President Ghana, Kwame Nkrumah untuk mendirikan sa-buah Negara Afrika Sharikat.

Kesatuan itu kini membuka jalan bagi menyatukan segala2-nya yang mengenai ketenteraan, kewangan, dasar luar negeri dan kebudayaan ketiga2 negeri tersebut.

Piagam yang di-tanda tangani oleh Presiden2 ketiga2 negara tersebut memerlukan pengesahan dari Parlemen negeri masing2.

ISTILAH2 PERUBATAN DALAM BAHASA KEBANGSAAN

KUALA LUMPUR. — Kementerian Kesihatan dan Kebajikan Masharakat Persekutuan Tanah Melayu akan menghantar sa-orang doktor Melayu yang chergas dalam lapangan persuratan Melayu dan mengistilahkan nama2 perubatan dalam Bahasa Kebangsaan akan melawat Indonesia sa-lama dua minggu bagi mengetahui dan bertukar2 fikiran mengenai Bahasa Indonesia yang di-gunakan dalam segala lapangan perubatan.

Doktor itu ia-lah Doktor Engku Omar Ahmad. Beliau akan bertolak ka-Indonesia pada 27 May hingga 6 June depan ini.

Sewaktu di-temui oleh akhbar tersebut di-Pusat Penyelidikan Perubatan Persekutuan Tanah Melayu di-Kuala Lumpur, dimana beliau bertugas, Doktor Engku Omar berkata: "Pemerhatian saya ka-Indonesia mengikut Perjanjian Malindo, dan perbelanjaan bagi tambang pergi dan pulang ada-lah di-biayai oleh Kerajaan Persekutuan, sementara perbelanjaan melawat Indonesia ada-lah di-biayai oleh Kerajaan Indonesia."

Doktor Omar menerangkan bawa beliau sangat merasa terhormat di-pilih oleh Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masharakat, Dato Ong Yok Lin untuk pergi ka-Indonesia.

Doktor Engku Omar mengharapkan dalam lawatan-nya ka-Indonesia itu dapat mempelajari bagaimana Indonesia menggunakan Bahasa Kebangsaan di-ru-mah2 sakit, klinik2, tempat melateh juru-rawat, tempat latehan merinyu2 kesihatan, university2 — tentang chara2 kuliah atau sharahan2 mengajar ilmu anatomy, physiology, kimia-hayat, perubatan, pembelahan, perbezaan dan sa-bagai-nya di-berikan dalam bahasa Indonesia.

"Saya juga akan mengkaji pula bagaimana professor2 dan doktor2 dari bangsa asing mengajar ilmu perubatan di-university2 Indonesia, yang bahasa pengantar-nya bahasa Indonesia, kapada mahasiswa2 university tersebut", kata-nya. Demikian di-antara berita mengenai perkara tersebut yang telah di-siar-kan oleh akhbar Utusan Melayu pada 10 May yang lalu.

PEJABAT BAHARU BANGSA2 BERSATU

BANGSA2 BERSATU. — Sa-buah pejabat Lembaga Bantuan Teknikal Bangsa2 Bersatu telah di-buka di-Kuala Lumpur, Malaya baharu2 ini.

Tuan Harold Spence dari Amerika Sharikat ada-lah menjadi wakil lembaga tersebut bagi Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Tuan Akhilesvara Vaidyanathan dari India menjadi Timbalan kapada Tuan Spence.

JOHAN2 PING PONG SA-DUNIA

PEKING. — Chuang Tsetung berumur 19 tahun dari Negeri China, telah memenangi gelaran johan ping pong sadunia bahagian sa-saorang apabila ia mengalahkan Li Fujung dalam pertandingan akhir ping pong sa-dunia di-Peking.

Chiu Chunhui juga dari Negeri China telah memenangi gelaran johan ping pong sa-dunia bahagian wanita sa-telah ia mengalahkan Eva Koczian dari Hungary.

Nobuya Hoshino dan Keji Kimura dari Negeri Jepun telah memenangi gelaran johan ping pong sadunia bahagian bergu apabila mereka mengalahkan Zoltan Berczik dan Refence Sido dari Hungary.

Ichiro Ogimura dan Puang Kimiyo Matzuzaki dari Negeri Jepun telah memenangi gelaran johan bergu bahagian champoran

sa-telah mereka mengalahkan Li Fujung dan Puan Han Yuchen dari Negeri China.

Puan Maria Alexander dan Puan Gita Pitica dari Rumania telah memenangi gelaran johan bergu bahagian wanita apabila mereka mengalahkan Puan Chiu Chunhui dan Puan Sun Meiying dari Negeri China.



Wakil2 yang menghadiri seminar guru2 antara bangsa kelihatan di Ibu-Pejabat Persekutuan Guru2 Filipina.